

06/02/2003

Sokong pimpinan baru peluang rampas Kelantan

KOTA BHARU: Tokoh korporat dan pegawai kanan kerajaan sama ada berkhidmat

di negeri ini atau luar Kelantan disaran memberi sokongan kepada kepemimpinan baru Umno bagi memastikan Barisan Nasional (BN) merampas pemerintahan daripada Pas dalam pilihan raya umum akan datang.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mohd Zaid Ibrahim, berkata mereka sepatutnya tampil memberi bantuan dan sokongan kepada Umno supaya parti itu dapat bertapak kembali di negeri ini.

Katanya, menjadi tanggungjawab golongan yang dianggap berada itu membantu Umno kerana segala kejayaan mereka sebenarnya diperoleh hasil usaha gigih kerajaan BN.

"Oleh itu, golongan kaya perlu berganding bahu membantu memulihkan kepercayaan rakyat negeri ini supaya menyokong Umno dan BN.

"Saya kecewa apabila masih ada pihak yang tidak mahu membantu memulihkan

Umno di Kelantan dengan mengatakan urusan politik bukan urusan mereka.

"Sikap seumpama itu menunjukkan mereka sebenarnya tidak memiliki semangat, sekali gus menunjukkan sikap golongan itu yang tidak mahukan perubahan dalam kepemimpinan di negeri ini, khasnya merampas kembali pemerintahan daripada Pas," katanya.

Beliau berucap pada majlis perjumpaan dengan wartawan dan rumah terbuka

sempena sambutan Tahun Baru Cina di Juita Inn, di sini, semalam.

Mohd Zaid yang juga Ketua Umno bahagian Kota Bharu, berkata pelbagai lapisan masyarakat khasnya golongan korporat, wartawan dan ahli profesional harus berani membuat perubahan dengan membantu pucuk pimpinan

Umno merampas Kelantan daripada genggamannya Pas.

"Kita tidak perlu takut jika ada pihak yang cuba memperlekehkan Umno, sebaliknya harus takut kepada pihak yang berat sebelah dan cuba memfitnah

Umno tanpa bukti kukuh," katanya.

Katanya, kedatangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohammad ke

Kelantan baru-baru ini, adalah untuk membuat rancangan merampas kembali Umno negeri ini.

"Tindakan merubah beberapa kepimpinan Umno itu adalah satu langkah awal

dan kita sepatutnya meneruskan agenda Dr Mahathir itu dengan mendampingi dan meyakinkan rakyat mengenai keupayaan dan kelebihan Umno.

"Jika kita berjaya membawa perubahan di negeri ini hingga merampas kuasa

daripada Pas, ia dianggap memberi hadiah paling berharga kepada Perdana Menteri" katanya.

Mohd Zaid berkata, Umno juga memiliki ahli fikir dan pakar strategik, malah keupayaan mereka melebihi daripada yang disangka serta lebih berkaliber.

"Oleh itu, saya minta semua ahli Umno memberi sokongan padu kepada

kepemimpinan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Mustapa Mohamed sebagai pemimpin Umno berwibawa," katanya.